

13 JUN 1997

(Pertama dari Rencana dua bahagian)

MEMBERI KEUTAMAAN KEPADA INDUSTRI GETAH MALAYSIA

Oleh: D.Sundara Raja

KUALA LUMPUR: Pelapik getah tingkap yang dipasang di bangunan tertinggi di dunia - Menara Kembar PETRONAS -- di sini pernah mencetuskan kerewelan di kalangan industri pembinaan dan pengeluar barang-barang getah di Malaysia.

Bagi sebuah negara yang giat mempromosi pengeluaran barang-barang dari getah, sudah tentu kita menjangka bangunan mercu tanda seperti itu akan menggunakan sebanyak mungkin bahan tempatan.

Sungguhpun pelapik seumpama itu terdapat dalam negeri, namun bahan yang digunakan untuk bangunan itu telah diimport, demikian aduan pengeluar-pengeluar tempatan pada satu seminar baru-baru ini. Mereka menyedari hal itu hanya sesudah tender diberikan.

Satu lagi rungutan ialah mengenai penggunaan "pot bearings", sejenis alas daripada besi yang diimport oleh kontraktor dalam pembinaan persimpangan bertingkat di negara ini sedangkan "rubber bearings" (alas getah) yang dihasilkan dalam negeri boleh digunakan.

Sesetengah pengeluar barangan getah berkata, memandangkan keadaan tersebut, bagaimanakah mereka dapat menembusi pasaran seberang laut sedangkan di pasaran domestikpun mereka tidak dapat berbuat demikian.

Bagi sebuah negara seperti Malaysia, yang berusaha untuk muncul sebagai pengeluar barangan getah terkemuka, rungutan seperti itu menarik perhatian pihak berkuasa terbabit.

Malah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sendiri memberi perhatian kepada masalah itu baru-baru ini apabila beliau berkata, penggunaan produk getah tempatan kurang mendapat sambutan dalam beberapa projek besar yang sedang dilaksanakan sekarang.

"Ini mungkin disebabkan perunding, arkitek dan jurutera tidak mendapat pendedahan secukupnya."

"Oleh yang demikian, saya berharap, bagi projek-projek besar yang sedang dilaksanakan, mereka yang terlibat, termasuk penggubal dasar, perlu peka tentang produk yang kita hasilkan," katanya semasa perasmian Pusat Pameran Produk Getah Antarabangsa Malaysia (MIRPEC) di Sungai Buloh baru-baru ini.

Dr. Mahathir juga menggesa sektor getah asli tempatan mula memikirkan tentang mencipta, merekabentuk dan mengeluarkan produk berjenama Malaysia.

Katanya, syarikat tempatan masih mengeluarkan produk getah asli separuh-proses untuk dibekalkan kepada pengedar antarabangsa yang memiliki jenama antarabangsa yang popular.

Produk akhir diterima seperti produk yang dihasilkan oleh syarikat luar negeri dan biasanya, mereka memperolehi pendapatan yang lebih tinggi kerana jenama masing-masing tertera pada barangan tersebut.

"Lain pula halnya dengan kita, kita mengeluarkan getah bermutu tinggi tetapi mendapat keuntungan yang lebih rendah."

Masalah ini bukan sesuatu yang baru kerana ia sudah dikenalpasti sejak tempoh pelaksanaan Pelan Induk Perindustrian Kedua yang mengatakan bahawa, tidak ada ikatan tiga pihak yang efektif antara pengeluar produk getah industri, makmal Lembaga Getah Malaysia (MRB) dan agensi-agensi kerajaan yang terbabit dalam projek-projek kejuruteraan awam besar di dalam dan luar negeri.

Ketua Unit Fizik dan Kejuruteraan, Pusat Teknologi Getah RRIM, Dr. Kamarul Baharain berpendapat, memandangkan getah boleh digunakan dalam projek-projek infrastruktur bagi tujuan menyambung, menutup, sebagai alas

dan untuk sistem penyerapan tenaga, agensi-agensi kerajaan terbabit dan penggubal undang-undang perlu meninjau cara-cara menggalakkan penggunaan produk getah yang dihasilkan di dalam negeri.

"Usaha bersepadu perlu dijalin dengan jurutera yang terbabit dalam projek-projek berkenaan bagi menggalakkan penggunaan produk getah," katanya.

Beliau juga berpendapat, produk yang diimport tidak seharusnya digunakan dengan mengetepikan produk tempatan demi nilai estetik.

Jurutera projek mungkin merasakan bahawa tidak mempunyai masa untuk memajukan produk-produk tertentu yang boleh diperbuat daripada getah, tetapi, jika agensi-agensi R & D seperti RRIM diberi peluang, mereka mungkin boleh mengemukakan jalan penyelesaian, tambahnya.

Dalam dunia yang kian peka tentang alam sekitar, getah asli, yang dianggap sebagai bahan mentah industri "Hijau" kerana ia sumber yang berkekalan, boleh digunakan dalam pelbagai bidang.

Dan Malaysia, sebagai pengeluar getah asli yang ketiga terbesar di dunia, mencapai kemajuan yang ketara dalam meningkatkan peranannya daripada pengeluar kepada pengguna getah selaras dengan transformasi negara daripada sebuah negara yang berasaskan pertanian kepada sebuah negara perindustrian.

Industri Barangan Getah (RGI) di Malaysia mencapai pertumbuhan yang menggalakkan dari segi saiz, pekerjaan, penggunaan getah, output dan eksport.

Sasaran Pelan Induk Perindustrian pertama bagi penggunaan getah dalam negeri sebanyak 308,000 tan metrik pada 1995, termasuk 30% getah tiruan, dengan mudah dapat dicapai oleh pengeluar barangan getah yang menggunakan 371,539 tan metrik. Dalam proses tersebut, Malaysia menjadi pembekal utama di dunia bagi sarung tangan bagi tujuan perubatan, benang getah dan tiub getah.

Pendapatan eksport RGI pada 1995 berjumlah RM3.843 billion manakala angka bagi tahun lalu dianggarkan RM4.2 billion.

Hari ini, kerajaan meramalkan sasaran penggunaan getah sebanyak 600,000 tan metrik menjelang tahun 2010, kata Dr. Ong Eng Long, penolong Pengarah Jabatan Kimia dan Teknologi RRIM.

Industri yang menunjukkan prestasi cemerlang dalam sektor kecil RGI ialah industri barangan yang diperbuat daripada susu getah (LGI) yang memperolehi pendapatan RM3.103 billion melalui hasil eksport walhal sasaran Pelan Induk Perindustrian Pertama hanya RM772 juta pada 1995.

Penyumbang utama produk getah lain kepada pendapatan eksport pada 1995 ialah barangan getah umum (RM329 juta), kasut (RM204 juta) dan barangan getah industri (RM52 juta).

LGI, yang semakin berkembang berikutan kebimbangan tentang jangkitan AIDS serta penempatan semula kilang-kilang di sini oleh syarikat-syarikat pelbagai negara, meliputi 60% jumlah penggunaan getah domestik.

"Kami tidak menjangka pendapatan eksport daripada LGI boleh melonjak begitu tinggi," kata penyelidik tersebut.

"Kami menjangka sektor kecil tayar dan tiub tayar akan mencatatkan pendapatan eksport RM1 billion, tetapi nilai eksport hanya RM179 juta pada 1995."

Bagaimanapun, jumlah output, termasuk pasaran dalam negeri, melebihi RM1 billion.

Mengenai kekurangan pendapatan eksport tayar, Ong menjelaskan, pasaran tayar seberang laut amat bersaing dan sukar ditembusi.

Terdapat empat pengeluar tayar utama di dalam negeri, sesetengahnya syarikat pelbagai-negara yang turut mempunyai kilang di beberapa negara di dunia. Keadaan jalanraya di negara-negara lain amat berbeza dan R&D bagi mengeluarkan tayar-tayar yang sesuai dengan keadaan tersebut memerlukan belanja yang besar. - Bernama

